Journal of Al-Tamaddun, Vol. 17 (1), 2022, 15-29
https://doi.org/10.22452/JAT.vol17no1.2

Muhammad Natsir: Sumbangannya terhadap Perjuangan Agama dan Bangsa di Indonesia
(Muhammad Natsir: His Contribution towards Religious and People's Struggle in Indonesia)

Mohamad Muzammil Mohamad Noor*

Abstrak

Makalah ini membincangkan tentang penulisan sarjanawan berkenaan pemikiran politik-agama Muhammad Natsir. Beliau merupakan antara tokoh politik dan pemikir yang dikenali pada zaman penjajahan di Indonesia. Sebagai pejuang melawan penjajah Belanda bagi memerdekakan Indonesia, beliau tidak bekerjasama dengan pihak Belanda dalam menuntut kemerdekaan negara itu. Penulisan berkenaan pemikiran dan perjuangan Natsir kerap kali ditulis oleh para sarjanawan dan penulis bidang politik-agama dari negara itu dan termasuk dari penulis Malaysia. Penulisan ini hanya menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kepustakaan di Indonesia dan Malaysia yang diulas dan ditulis dalam kalangan mereka. Kebanyakan ulasan karya yang ditemui ialah hanya mengkaji secara akademik dan juga bacaan umum tentang beliau. Penulisan berkenaan perjuangan Natsir dalam politik dan agama turut mendapat perhatian daripada para ahli akademik seperti Mestika Zed, Deliar Noer, Yusril Ihza Mahendra dan Nurcholis Madjid. Begitu juga, penulisan tentang pemikiran politik beliau turut mendapat perhatian dalam kalangan penulis Malaysia, antaranya ialah Anwar Ibrahim, Siddiq Fadhil, Fadhlullah Jamil dan Sidek Baba. Sehubungan itu, hasil dapatan penulisan ini dapat mengenalpasti pendapat dan pandangan mereka terhadap pemikiran dan perjuangan Natsir dalam kegiatan politik-agama dan nasionalisme Indonesia bagi melawan penjajah. Turut ditemui pandangan sarjanawan terhadap pertentangan pemikiran politik beliau dengan Sukarno.

Kata kunci: Natsir, pejuang politik-agama, pemikiran politik, nasionalisme Indonesia, kolonial Belanda

Abstract

This article discusses scholars' views on Muhammad Natsir's thoughts. He was one of the prominent political figures and thinkers since the colonial period in Indonesia. As an Indonesia nationalist and political-religious activist, he did not cooperate with the Dutch in pursuit of Indonesia's independence. Research papers on Natsir's thoughts and struggles are often penned by local scholars and political-religious writers from that country, including Malaysian authors. This research utilized qualitative approach by conducting analysis through the libraries in Indonesia and Malaysia. Most of the article reviews was conducted through academic study of and general reading on Natsir, especially by Mestika Zed, Deliar Noer and Nurcholis Madjid. Besides that, writing on Natsir's thoughts and activism was also written by Malaysian scholars such as Anwar Ibrahim, Siddiq Fadhil, Fadhlullah Jamil and Sidek Baba. Hence, the findings of this article attempts to identify the views of these scholars on Natsir's thoughts and struggles in the political-religious and Indonesian nationalism against the colonial power. This paper also discusses scholars' views on the contradiction of his political thoughts with Sukarno.

Keywords: *Natsir, political-religious activist, political thoughts, Indonesia nationalism, Dutch colonial*

Pengenalan

Penulisan ini dilakukan bagi mengesan dan menyorot kembali hasil karya sarjanawan dari Indonesia dan Malaysia mengenai perjuangan dan pemikiran seorang tokoh politik-agama dari Indonesia, Muhammad Natsir Idris Sutan Saripado yang telah diangkat sebagai 'Pahlawan Nasional Indonesia' pada November 2008.[1] Penulisan mengenai Natsir lebih banyak ditonjolkan di seminar-seminar dan persidangan sekitar republik selain dalam makalah dan buku-buku diterbitkan untuk bacaan umum.

* Mohamad Muzammil Mohamad Noor (PhD), Senior Lecturer, School of Distance Education, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia. Email: muzammil@usm.my.

[1] Lihat, Keputusan Presiden Republik Indonesia (2008), Gelar "Pahlawan Nasional Kepada Muhammad Natsir," Nomor 041/TK/Tahun 2008, bertarikh 6 November.

Penulisan yang dilakukan oleh para sarjanawan lebih tertumpu kepada sumbangan pemikiran, kegiatan nasionalisme, aktivis politik, ideologi Islam serta perjuangan Natsir dalam memimpin parti politik semasa zaman penjajahan Belanda hinggalah mencapai kemerdekaan. Hal ini adalah kerana Natsir merupakan seorang tokoh politik Islam Indonesia yang banyak menggunakan elemen-elemen Islam dalam penulisan dan kegiatan politik.

Oleh sebab itulah Natsir dikenali sebagai tokoh politik-Islam dan seorang nasionalis yang memberi sumbangan besar dalam gerakan reformis Islam di Indonesia terutama menerusi pemikiran dan perjuangan menggunakan konsep-konsep Islam semasa zaman penjajahan Belanda. Disebabkan tokoh ini adalah seorang pemikir Islam yang aktif semasa zamannya, kegiatan Natsir sentiasa diperhatikan oleh pengikut dan musuh politik termasuk pegawai Belanda dan Presiden Sukarno. Secara tidak langsung Natsir telah membuka mata masyarakat di tanah airnya melalui tulisan-tulisannya seperti *Capita Selekta* serta pidatonya yang membangkitkan semangat nasionalisme mengkritik penjajahan di negaranya, pengkhianat agama serta kerajaan pemerintah yang cuba memisahkan agama Islam dalam pentadbiran dan politik. Perjalanan dirinya dalam kegiatan nasionalisme dan arena politik penuh liku dan ranjau, termasuk pernah disumbat dalam tahanan penjara serta kegiatan nasionalisme beliau disekat dan dihalang kerana mengancam kedudukan pemerintah kolonial dan selepas merdeka. Tokoh dari Indonesia ini bercita-cita untuk menjadikan Islam sebagai dasar pemerintahan negaranya kerana baginya agama ini mencakupi seluruh aspek kehidupan termasuk dalam bidang politik dan pentadbiran negara. Bagi beliau, penegakan undang-undang syariah adalah perlu di Indonesia disebabkan negara tersebut mempunyai bilangan penduduk beragama Islam yang majoriti.

Secara keseluruhannya, penulisan makalah ini akan memperlihat dan menganalisiskan pandangan penulisan para sarjanawan daripada kedua-dua negara tentang tokoh pejuang bangsa Indonesia ini yang meliputi penglibatannya dalam masyarakat, parti politik, pentadbiran negara serta penulisan beliau tentang pemikiran politik-Islam.

Mengenali Muhammad Natsir

Natsir berasal dari Kampung Jembatan Berukir, Alahan Panjang, Propinsi Sumatera Barat yang dilahirkan pada 17 Julai 1908.[2] Ibu bapanya bernama Khadijah dan Idris Sutan Saripado daripada sebuah keluarga yang sederhana taraf kehidupan mereka. Ayahnya bekerja sebagai 'jurutulis kontrolir' semasa pemerintahan Belanda di Alahan Panjang serta di beberapa tempat di Indonesia.[3] Natsir menerima pendidikan yang agak sempurna sejak dari zaman kanak-kanak hinggalah mencapai alam kedewasaan iaitu pendidikan agama dan pendidikan Belanda. Pendidikan awalnya dalam ilmu keagamaan Islam daripada ayahnya dan sekolah agama di tempat kelahirannya iaitu Sekolah Diniyah, Solok yang secara tidak langsung telah memupukkannya dengan nilai-nilai agama dan ibadah Islam pada dirinya. Seterusnya, Natsir telah dipersekolahkan di *Hollandse Indondse School* (HIS). Setelah tamat pengajian pada peringkat HIS, Natsir berkeinginan meneruskan pengajiannya di peringkat *Middlebare Uitgebreid Lager Onderwijs* (MULO) pula namun tidak kesampaian kerana kesempitan kewangan. Namun, hasratnya itu disampaikan kepada guru-guru sekolah dan seterusnya menyuntik semangat supaya belajar dengan tekun dalam merealisasikan impiannya dalam bentuk biasiswa. Pada tahun 1927, Natsir menyambung pendidikannya di peringkat pra-universiti, *Algemene Middlebare School* (AMS), Bandung di Jawa Barat.

Sejak beliau mula menuntut di MULO, Natsir berjinak-jinak dengan *Jong Sumatranen Bond* (JSB) iaitu Serikat Pemuda Sumatera dan Serikat Pemuda Islam atau *Jong Islamieten Bond* (JIB); yang kedua-dua kesatuan tersebut diketuai oleh nasionalis tempatan, Sanoesi Pane. Semasa beliau menuntut di peringkat MULO dan AMS, Natsir menerima pelbagai cemuhan dan penghinaan daripada guru-guru bangsa Belanda dan golongan bangsawan tempatan yang mengutuk bangsanya sebagai bangsa tidak bertamaddun dan tidak inginkan kemajuan dalam kehidupan.[4] Berikut adalah sebab-sebab beliau terlibat dalam persatuan sosial, agama dan politik:[5]

---

[2] Keterangan lanjut riwayat hidup Natsir, rujuk Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor (2011), Burhanuddin al-Helmi dan Muhammad Natsir: Perbandingan Pemikiran dan Perjuangan, tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya, h. 79-83.

[3] Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor (2011), "Burhanuddin al-Helmi dan Muhammad Natsir: Perbandingan Pemikiran dan Perjuangan," Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya, h. 79-80.

[4] Rujuk, HM Nasruddin Anshoriy Ch. (2008), *'Bangsa Inlander' Potret Kolonialisme di Bumi Nusantara*, Yogyakarta: LKiS.

[5] Rujuk, Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga (1958, 17 Juli). Dalam surat tersebut, Natsir menasihati anak-anaknya aktif berpersatuan supaya mengenali dunia luar dan hidup bermasyarakat.

i. beliau hidup dalam masyarakat Islam yang lemah dalam pelbagai kehidupan terutama rendahnya taraf sosial dan kekangan ekonomi di Indonesia kesan daripada penjajahan Belanda;
ii. betapa peri pentingnya menganggotai sesuatu organisasi dalam masyarakat supaya dapat mengenali dan membantu masyarakat sendiri serta berjuang untuk agama, bangsa dan nusa;
iii. apabila berpersatuan, seluruh pemuda-pemuda Indonesia dapat mengeratkan silaturahim, berbincang tentang isu-isu semasa serta belajar bersama-sama; dan,
iv. sebab lain beliau aktif dalam berpersatuan ialah kerana sifatnya yang gemar berpolemik dalam sesuatu isu yang berkaitan politik, bangsa, tanah air dan agama Islam.

Antara kenangan terpenting beliau terlibat dalam gerakan politik ialah peristiwa perdebatan beliau dengan Presiden Sukarno iaitu yang mengetuai Partai Nasional Indonesia (PNI) tentang isu Presiden Sukarno yang mahu memisahkan agama dari pemerintahan negara Indonesia setelah merdeka daripada penjajah Belanda.[6] Sebagai seorang sekular, Presiden Sukarno menyatakan bahawa soal agama adalah urusan dunia dan peribadi serta yakin tidak ada konsep negara Islam. Namun begitu, pendapat Presiden Sukarno ini disangkal sekeras-kerasnya oleh Natsir yang menyatakan Islam adalah satu ideologi dan semasa zaman Rasulullah S.A.W. di Makkah, baginda telah memberi model yang terbaik iaitu Islam menjadi tunjang kepada pemerintahan sebuah Islam.[7]

Selepas beliau tamat semua pengajiannya termasuk memperoleh diploma pendidikan dan menolak pengajian undang-undang di Rotterdam, Belanda, Natsir menceburi bidang penulisan dalam sebuah penerbitan agama iaitu *Pembela Islam* dan *Pedoman Masjarakat* di Bandung dalam sekitar awal tahun 1930-an. Bersama-sama Haji Ahmad Hassan yang mendedahkan beliau dalam penulisan di media percetakan, akhirnya telah memberi pendedahan awal kepada Natsir melibatkan diri dalam penulisan serta bibit-bibit dalam politik dan nasionalisme. Selain mengangotai JIB, Natsir turut terlibat dalam parti-parti politik Islam lain seperti Persis, *The Islamic Surpreme Council of Indonesia*, Partai Islam Indonesia (PII), Majelis Islami A'la Indonesia (MIAI) dan Majlis Syura Muslimin Indonesia (Masyumi) iaitu sebuah parti politik antara terbesar di dunia berdasarkan keanggotaannya. Implikasi kegiatannya yang aktif dalam persatuan-persatuan sosial dan parti politik itu serta sifat kepimpinan yang ada dalam dirinya, akhirnya Natsir dilantik sebagai Ahli Parlimen iaitu dikenali dengan Komite Nasional Indonesia Pusat (KNIP)[8] dari tahun 1945 hingga tahun 1946. Dalam masa pelantikan itu, beliau diberi kepercayaan oleh Presiden Sukarno mengisi jawatan Menteri Penerangan dalam kabinet pertama. Seterusnya dari tahun 1949 hingga tahun 1958, Natsir menjadi presiden bagi sebuah parti Islam berpengaruh di Indonesia iaitu Masyumi. Kerjayanya dalam politik terus berkembang apabila diberi jawatan tinggi dalam pentadbiran Republik Indonesia apabila dilantik sebagai Perdana Menteri pada 7 September 1950. Pelantikan beliau ke jawatan itu adalah kerana keterlibatannya menukarkan Republik Indonesia dari sistem pemerintahan federal kepada negara kesatuan yang dikenal dengan 'Mosi Integral Natsir'.[9]

Dalam urusan kekeluargaannya pula, Natsir berkahwin dengan seorang guru yang berkhidmat di sekolah kerajaan Belanda, Noer Nahar Marzuki pada 20 Oktober 1934.[10] Mereka mendirikan rumahtangga di Bandung dan berikut digambarkan dengan ringkas suasana kenangan manis mereka yang cukup bersejarah itu: "Mereka tinggal di suatu rumah kecil dekat surau di Jalan Rana. Diadakan juga walimah sedikit, tetapi tamu makan di atas surau depan rumah kecil itu."[11]

Hasil perkahwinan hidup, mereka memperolehi enam orang anak iaitu Siti Muchliesah yang lahir pada 20 Mac 1936, seterusnya Abu Hanifah, Asma Faridah, Hasnah Faizah, Aisyah tul Asriah dan yang bongsu, Ahmad Fauzie. Natsir menghembus nafas terakhir pada 6 Februari 1993 ketika dalam usia lebih

---

[6] Lihat, Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga (1958, 18 Juli).
[7] Untuk keterangan lanjut tentang isu-isu yang diperdebatkan rujuk, Ahmad Suhelmi, Drs, M.A. (1999), *Soekarno Versus Natsir: Kemenangan Barisan Megawati Reinkarnasi Nasionalis Sekuler*, Jakarta: Darul Falah.
[8] KNIP yang berlangsung dari tahun 1945-1946 merupakan parlimen yang pertama Republik Indonesia di zaman revolusi. Semasa Natsir menganggotai KNIP, beliau mencadang menubuhkan Kementerian Agama pada tahun 1946. Natsir turut menceritakan bagaimana pengalamannya menganggotai KNIP secara tidak sengaja dalam Keterangan lanjut tentang KNIP, rujuk Deliar Noer dan Akhbarsyah (2005), *KNIP Komite Nasional Indonesia Pusat Parlemen Indonesia 1945-1950*, Jakarta: Yayasan Risalah. Rujuk juga, Akhbar *Haluan* – Harian Umum, 12 Agustus 2007/28 Rajab 1428H.
[9] Mohamad Muzammil Mohamad Noor (2015), *Pemikiran Politik Islam: Perbandingan Antara Pemikiran Dr. Burhanuddin dan Muhammad Natsir*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 5, 43, 65-69, 153 dan 326.
[10] Rujuk, Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga (1958, 17 Juli).
[11] *Muhammad Natsir: 70 Tahun Kenang-kenangan Kehidupan dan Perjuangan* (1978), Jakarta: Pustaka Antara, h. 36.

lapan puluh empat tahun akibat sakit jantung tetapi isterinya terlebih dahulu meninggal dunia iaitu pada 22 Julai 1991.

Penulisan Tentang Pemikiran dan Perjuangan Muhammad Natsir

Pandangan Sarjanawan Indonesia

Penulisan berkenaan Natsir yang ditemui adalah membandingkan beliau dengan ahli politik lain seperti Tunku Abdul Rahman, Hassan al-Banna dan Presiden Sukarno. Antaranya ialah, Fakhri dalam tulisan akademiknya yang bertajuk *Pemikiran Muhammad Natsir Dan Tunku Abdul Rahman Tentang Dakwah Dan Aplikasinya: Suatu Kajian Analitik Komparatif*[12]. Penulisan Fakhri ini lebih menjurus perbandingan sumbangan agama dan dakwah antara Natsir dengan Tunku Abdul Rahman, seorang tokoh politik dari Kedah. Namun begitu, penulis ini lebih mengkhusus kepada penulisan bercorak keagamaan dan tidak menggunakan kaedah yang seperti dilihat dalam penulisan sejarah. Walau pun Tunku Abdul Rahman bukan seorang agamawan tetapi penulis ini cuba mengaitkan ilmu dakwah kedua-dua tokoh ini dengan kegiatan politik mereka. Tokoh dari Malaysia ini aktif dalam kegiatan sosial dakwahnya seperti Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) yang diasaskan olehnya pada tahun 1960 serta *Regional Islamic Dakwah Council for Southeast Asia and the Pacific* (RISEAP) pada tahun 1980 bagi mengembangkan lagi syiar Islam di negara-negara Asia Pasifik sedangkan Natsir berdakwah melalui jalur politik di Indonesia. Penulisan yang dilakukan oleh Fakhri ini sedikit berbeza dengan hasil penulisan seorang lagi penulis, Mahmud Saleh iaitu lebih menumpukan pemikiran politik Natsir. Sungguhpun kedua-dua penulis ini menggunakan kaedah perbandingan dua orang tokoh negarawan, tetapi Mahmud Saleh ini membandingkan sumbangan pemikiran Natsir dengan tokoh Dunia Arab, iaitu Hasan al-Banna.

Menerusi penulisan Mahmud Saleh, beliau lebih menjuruskan kepada sumbangan pemikiran Natsir dan Hasan al-Banna tentang konsep negara yang masih juga kelihatan serupa dengan cara penulisan Fakhri iaitu tidak menggunakan metodologi khusus dalam penulisan sejarah.[13] Penulisannya yang tertumpu kepada konsep negara iaitu membawa idea Islam dalam pemerintahan sebuah negara. Hal ini adalah kerana dua tokoh yang berbeza budaya ini menganggap Islam sebagai agama universal. Bagi Hasan al-Banna "Islam itu adalah peratusan yang meliputi seluruh aspek kehidupan, ia mencakupi kedaulatan, tanah air, pemerintahan dan juga urusan umat," dan begitu juga Natsir memandang keuniversalan Islam yang hamper serupa iaitu "*Islam is indeed much more a system of theology, it is complete civilisation*." Oleh hal yang demikian, dua tokoh berbeza benua ini menganggap politik dan Islam sesuai dimasukkan dalam system pentadbiran sesebuah negara.[14]

D. P. Sati Alimin juga membuat perbandingan dua tokoh besar Indonesia iaitu antara Natsir dengan Presiden Sukarno[15] bagi tujuan bacaan umum tanpa menyentuh konsep dan cara penulisan sejarah. Jauh sekali menggunakan sumber-sumber pertama sebagai rujukan utama dan beliau lebih menggunakan kaedah penulisan dalam bidang sains politik. Dalam pentadbiran Presiden Sukarno setelah mencapai kemerdekaan Indonesia, Natsir dipilih sebagai anggota kabinet Presiden Sukarno walaupun mereka mempunyai perbezaan pendapat tentang politik dan Islam. Sebelum Natsir menceburi diri dalam politik lagi telah kelihatan bahawa antara mereka berdua sering bertikam lidah dan berpolemik tentang hal itu kerana Presiden Sukarno lebih membawa idea sekular dan moderet dalam pentadbirannya dengan mengasingkan hal-hal keagamaan dalam politik.[16] Walau bagaimanapun, ada sebuah buku yang ditulis oleh Ahmad Suhelmi yang membahaskan Islam dengan politik serta mengungkapkan perbezaan pandangan Presiden Sukarno dengan Natsir tentang Islam dan politik melalui tulisannya, *Soekarno Versus Natsir: Kemenangan Barisan Megawati Reinkarnasi Nasionalis Sekuler*.[17] Perdebatan antara mereka mendapat perhatian Suhelmi kerana antara dua tokoh politik tersebut mewakili golongan nasionalis sekular dan golongan nasionalis Islam. Dalam isu perdebatan dengan Presiden Sukarno, Natsir mengemukakan isu hangat, iaitu 'kenapa hal yang berkaitan agama perlu dipisahkan dari politik

---

[12] Lihat, Fakhri (1998), "Pemikiran Muhammad Natsir Dan Tunku Abdul Rahman Tentang Dakwah Dan Aplikasinya (Suatu Kajian Analitik Komparatif)," Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

[13] Lihat, Mahmud Saleh (1995), "Pemikiran Muhammad Natsir Dan Hasan al-Banna Tentang Negara (Suatu Studi Analitis Komparatif)," Program Pascasarjana, Institut Agama Islam Negeri Ar-Raniry Darussalam, Banda Aceh.

[14] Mohammad Natsir (1954), *Capita Selekta*, Jakarta: Bulan Bintang, h. 15.

[15] Lihat, D. P. Sati Alimin (1968), *M. Natsir vs. Soekarno*, Padang: Yayasan Pendidikan Islam.

[16] Mohamad Muzammil Mohamad Noor (2015), *Pemikiran Politik Islam: Perbandingan Antara Pemikiran Dr. Burhanuddin dan Muhammad Natsir*, h.2-5, 41, 47, 71 dan 131.

[17] Lihat, Ahmad Suhelmi (1999), *Soekarno Versus Natsir: Kemenangan Barisan Megawati Reinkarnasi Nasionalis Sekuler*, Jakarta: Darul Falah.

serta urusan negara?', dengan kata lain, Natsir bermati-matian memperjuangkan Islam sebagai ideologi negara serta pentadbiran harus berteraskan Islam.[18] Walaupun skop yang dihasilkan oleh Suhelmi ini terlalu sempit iaitu melibatkan soal agama dan sekular, namun begitu kaedah yang digunakannya adalah kaedah perbandingan antara dua tokoh negarawan tersebut.

Sebagai seorang negarawan disegani di Indonesia yang juga ahli politik dan bekas Perdana Menteri Republik Indonesia, jarang-jarang sekali ditulis tentang pemikiran beliau dalam politik dan nasionalisme semasa zaman penjajahan Belanda dan juga tempias percaturan politik beliau di sekitar Nusantara khususnya di Tanah Melayu (Malaysia) dan Singapura. Misalnya, tulisan Mohammad Noer bertajuk *Mohammad Natsir: Pemikiran dan Perjuangannya Tentang Islam, Politik dan Negara, 1940-1960*[19] dan *Sumbangan Pemikiran dan Kepimpinan Mohammad Natsir*[20] serta Gamal Abdul Nasir Hj Zakaria menerusi karyanya, *Mohamad Natsir: Pendidikan Ummah: Kajian Atas Fikiran-fikirannya Tentang Pendidikan Islam Di Indonesia*. Perbincangan Gamal lebih menghalakan kegiatan dan perjuangan Natsir sahaja di kepulauan Indonesia dan kurang menumpukan pengaruh pemikiran dan idea beliau di kawasan serantau. Menerusi penulisan Mohammad Noer ini lebih menitikberatkan kepada peranan Natsir sebagai reformisme agama dan pentadbir negara sahaja tanpa mengemukakan isu-isu lain serta membandingkan dengan tokoh-tokoh daripada Indonesia seperti Haji Abdul Malek Sheikh Abdul Karim Amrullah atau Hamka, Presiden Sukarno mahupun Muhammad Hatta. Melalui satu lagi penulisan beliau, *Sumbangan dan Kepimpinan Mohammad Natsir*[21] adalah sebuah artikel ringkas yang hanya mengutarakan penglibatan dan sumbangan Natsir sebagai seorang pemimpin berkaliber pada zaman kegemilangannya dan kepimpinannya dalam Masyumi. Masih tiada menyentuh perbandingan sumbangan dan kepimpinan tokoh tersebut secara mendalam.

Walau bagaimanapun, dalam hasil penulisan Gamal, *Mohamad Natsir: Pendidikan Ummah: Kajian Atas Fikiran-fikirannya Tentang Pendidikan Islam Di Indonesia*[22] dan *Mohammad Natsir Pendidik Ummah*[23] pula, ternyata berbeza dengan penulisan Mohammad Noer. Gamal hanya menumpukan kegiatan dan perjuangan Natsir dalam sistem pendidikan Islam, pembentukan model pendidikan Islam dan pemikiran pendidikan Islam tanpa mengaitkan dengan nasionalisme dan politik Natsir seperti tulisan Mohammad Noer. Dalam penulisannya itu, Gamal menggunakan kaedah-kaedah serta konsep penulisan sains sosial dan tidak menerapkan penulisan secara historis. Turut menyentuh ialah pengasasan sebuah sekolah Islam yang lebih moden iaitu Sekolah Pendidikan Islam (Sekolah Pendis) yang dibangunkan beliau dengan isterinya, Noer Nahar di Bandung pada tahun 1932.[24] Gamal memberi pandangan bahawa pendidikan moden yang diusahakan oleh Natsir ini dapat menutup kejahilan terhadap perkembangan dunia yang semakin mencabar.[25] Berbeza dengan karya yang dihasilkan oleh Arif Hizbullah Sualman berkenaan Natsir iaitu, *Muhammad Natsir (1908-1993): His Role In The Development Of Islamic Da'wah In Indonesia (Historical Study of An Indonesian Mujahid Da'wah)*[26] lebih menitikberatkan idea-idea dakwah Natsir dalam usaha membangunkan dakwah umat Islam di Indonesia, khususnya di Jawa. Walaupun Arif menggunakan kaedah penulisan sejarah tetapi penulisan beliau hanya berada dalam ruang lingkup Sejarah Islam dan kurang menyentuh sumber-sumber pertama seperti fail-fail peribadi Natsir, fail pemerintah Indonesia mahupun temu bual bagi mengukuhkan hujahan beliau tentang idea-idea dakwah Natsir.

Selain penulisan yang dilakukan oleh Gamal dan Arif berkenaan pemikiran Natsir dalam dakwah dan pendidikan agama, terdapat lagi beberapa sarjanawan lain yang turut menulis tentang pemikiran beliau tetapi lebih terarah kepada pemikiran politik. Salah seorang daripada kalangan mereka ialah Abdur

---

[18] Mohamad Muzammil Mohamad Noor (2015), *Pemikiran Politik Islam: Perbandingan Antara Pemikiran Dr. Burhanuddin dan Muhammad Natsir*, h. 252-268.

[19] Rujuk juga, Mohammad Noer (1999), "Mohammad Natsir: Pemikiran dan Perjuangannya Tentang Islam, Politik dan Negara, 1940-1960," Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.

[20] Mohammad Noer (2009), "Sumbangan Pemikiran dan Kepimpinan Mohammad Natsir," dalam *Mohammad Natsir: Berdakwah Di Jalur Politik, Berpolitik Di Jalur Dakwah*, Bandar Baru Bangi, Selangor: Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) & Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), h. 43-56.

[21] Lihat, Mohammad Noer (1993), *Sumbangan dan Kepimpinan Mohammad Natsir*, Kuala Lumpur: ABIM.

[22] Gamal Abdul Nasir Hj Zakaria (1999), "Mohamad Natsir: Pendidikan Ummah (Kajian Atas Fikiran-fikirannya Tentang Pendidikan Islam Di Indonesia)," Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

[23] Lihat, Gamal Abdul Nasir Zakaria (2003), *Mohammad Natsir Pendidik Ummah*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

[24] Keterangan lanjut berkenaan pengasasan Sekolah Pendis ini, rujuk Mohamad Muzammil Mohamad Noor (2021), "Noer Nahar Marzuki: Wirawati Tidak Didendangkan dalam Pendidikan Zaman Kolonial Belanda di Jawa, 1932-1942," *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Jil. 49, Bil. 2.

[25] Gamal Abdul Nasir Zakaria (2003), *Mohammad Natsir Pendidik Ummah*, h. 40.

[26] Arif Hizbullah Sualman (1995/1996), Muhammad Natsir (1908-1993): His Role in the Development of Islamic Da'wah in Indonesia (Historical Study of An Indonesian Mujahid Da'wah), International Islamic University Malaysia.

Razzaq yang mengkaji secara perbandingan antara Natsir dengan Hassan al-Banna, dengan tajuk *Pengaruh Pemikiran Hasan al-Banna dan Mohammad Natsir Terhadap Politik Islam di Indonesia: Kajian Perbandingan*.[27] Tulisan beliau lebih menjuruskan pengaruh politik dua orang tokoh berbeza benua ini dalam pentadbiran dan perkembangan politik di Indonesia. Namun begitu, tulisan beliau ini menyerupai tulisan Mahmud Saleh yang bertajuk, *Pemikiran Muhammad Natsir Dan Hasan al-Banna Tentang Negara: Suatu Studi Analitis Komparatif* kerana mengaitkan kepimpinan tokoh dari Mesir itu. Abdur Razzaq mengemukakan idea membicarakan faktor yang mempengaruhi perkembangan pemikiran politik-agama Natsir di Indonesia dan membandingkan pengaruh pemikiran Hasan al-Banna dalam perjuangan Natsir. Dalam satu lagi karya Abdur Razzaq menerusi *Riwayat Hidup, Pemikiran dan Perjuangan Pak Natsir* adalah sebuah tulisan ringan untuk bacaan umum yang tidak mengutarakan pemikiran dan perjuangan Natsir secara mendalam; tulisan itu sekadar mencatatkan kisah sejarah kelahiran dan kehidupan tokoh itu sebelum menceburi bidang politik yang membawa idea agama dalam perjuangannya.[28]

Menerusi penulisan Yusril Ihza Mahendra[29] pula, Yusril menunjukkan ideanya bagi membandingkan antara dua parti utama di Indonesia dan Pakistan iaitu Masyumi dan Jama'at-i-Islami melalui karyanya, *Modernisme dan Fundamentalisme dalam Politik Islam: Satu kajian perbandingan kes Parti Masyumi di Indonesia dan Jama'at-i-Islami di Pakistan (1940-1960)*. Tulisan beliau berbeza dengan tulisan Abdur Razzaq dan Mahmud Saleh disebabkan beliau berfokus kepada dua parti politik berlandaskan Islam. Yusril mengaitkan perjuangan Natsir dalam pentadbiran dan politik tempatan melalui Masyumi secara sepintas lalu dan lebih menyentuh tentang keadaan organisasi serta konsep modernisme dan fundamentalisme kedua-dua parti politik yang berteraskan Islam tersebut. Beliau menerapkan ideanya dengan menelaah perbezaan-perbezaan dalam pendekatan keorganisasian, membanding dan mendefinisikan pengertian modernisme antara Masyumi dengan parti dari Pakistan itu. Beliau turut melihat bagaimana sebuah parti Islam modernisme yang diwakili oleh Masyumi pimpinan Natsir dan idea fundamentalisme yang didukungi oleh Parti *Jama'at-i-Islami* tampak berada dalam posisi yang lebih kuat secara politik dengan memegang kekuasaan kerajaan dan bekerjasama dengan kelompok lain. Selain itu, antara penulisan lain yang dihasilkan oleh Yusril berkaitan dengan Natsir ialah, "Pemikiran Dan Perjuangan Mohammad Natsir'[30], serta 'Asas Politik Natsir, Moral Landasannya"[31] yang lebih menampakkan hubungan Natsir dengan kegiatan politiknya serta buah fikirannya dalam pentadbiran Islam di Indonesia. Beliau menentang pemerintahan berbentuk sekularisme yang didominasikan oleh Presiden Sukarno kerana baginya, 'roh Islam' tidak boleh dipisahkan bersama politik seperti yang dianjurkan oleh Nabi Muhammad SAW semasa di kota Madinah melaksanakan hukum-hukum Islam dan pentadbiran berlandaskan al-Quran.

Sebuah karya ilmiah bertajuk, *Islam as The Basic of State: Study of Islamic Political Ideas as Reflected in the Constituent Assembly Debates in Indonesia*[32], oleh Ahmad Syafi'i menganalisiskan tentang bagaimana satu pertelagahan panjang mengenai masalah pembentukan dan asas negara oleh para pemimpin bangsa, terutamanya oleh pemimpin-pemimpin yang membawa idea-idea Islam. Sehubungan itu, Ahmad Syafi'i mengutarakan secara tidak langsung serta meletakkan pemikiran Natsir serta tokoh-tokoh Islam lain ke dalam ideologi Islam. Menurut pandangan penulis itu, tokoh-tokoh Islam Indonesia telah meninggalkan pandangan-pandangan elemen tradisional kerana mereka tidak banyak merujuk kepada pemikiran ulama tetapi meletakkan pemikiran pada gagasan keislaman yang lebih bersifat moden dan dipengaruhi oleh pandangan-pandangan pemikiran Barat. Hal ini adalah disebabkan mereka menerima sistem pendidikan moden yang Natsir juga turut terima ilmu pendidikan moden yang diperkenalkan oleh Belanda sampai ke peringkat pra-universiti. Penulisan Ahmad ini terlalu umum dan tidak menjuruskan kepada ketokohan Natsir seperti perbincangan penulis-penulis lain yang diperjelaskan di atas. Begitu juga penulisan Sultan Rais Alamsjah yang bertajuk *Sepuluh Orang*

---

[27] Lihat, Abdur Razzaq (2009), "Pengaruh Pemikiran Hasan al-Banna dan Mohammad Natsir Terhadap Politik Islam di Indonesia: Kajian Perbandingan," Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

[28] Lihat, Abdur Razzaq Ali (2003), "Riwayat Hidup, Pemikiran dan Perjuangan Pak Natsir," Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan, Kuala Lumpur.

[29] Rujuk, Yusril Ihza (1993), "Modernisme dan Fundamentalisme dalam Politik Islam: Satu kajian perbandingan kes Parti Masyumi di Indonesia dan Jama'at-i-Islami di Pakistan (1940-1960)," Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.

[30] Rujuk, Yusril Ihza Mahendra (1996), *Pemikiran Dan Perjuangan Mohammad Natsir*, Jakarta: Pustaka Firdaus.

[31] Lihat, Yusril Ihza Mahendra (1995, April), "Asas Politik Natsir, Moral Landasannya," *Panji Masyarakat*, No. 824.

[32] Lihat, Ahmad Syafi'i (1982), "Islam as The Basic of State: Study of Islamic Political Ideas as Reflected in the Constituent Assembly Debates in Indonesia," Tesis Doktor Falsafah, University of Chicago; serta, Ahmad Syafi'i (1984), *Islam dan Masalah Kenegaraan*, Jakarta: LP3ES.

Indonesia Terbesar Sekarang[33] tidak menumpukan secara khusus berkenaan pemikiran dan perjuangan Natsir tetapi beliau mengiktirafkan Natsir sebagai antara sepuluh orang tokoh pemikir Islam Indonesia yang patut diketahui umum.

Natsir yang dikenali sebagai seorang tokoh agama dan politik yang disegani di tanah airnya, pengkisahan beliau mendapat tumpuan sarjanawan tempatan negara seberang itu. Ramai para penulis mengabadikan dan meriwayatkan kisah suka duka Natsir yang lebih mengkhususkan kepada agama dan politik Natsir dalam bentuk sebuah penulisan biografi. Namun, agak kurang pula membincang secara mendalam tentang pemikiran Natsir dalam nasionalisme, politik dan perjuangannya. Misalnya, Tamar Djaja melalui tajuknya *Mohammad Natsir dalam Revolusi*[34], Moch Lukman Fatahullah Rais, *Mohammad Natsir Pemandu Umat*[35] serta dua buah buku Ajip Rosidi yang membincangkan hal yang serupa, *M. Natsir Sebuah Biografi 1*[36] dan *Mohammad Natsir Sebuah Biografi*[37]. Kesemua penulisan itu juga tidak menulis perbandingan Natsir dengan para tokoh yang sekurang-kurangnya seangkatan dengan Natsir, seperti Hatta dan Sutan Sjahrir walhal mereka agak mahir dalam sejarah kehidupan Natsir. Penulis-penulis ini hanya mencatatkan perjalanan sejarah suka duka Natsir dalam mengharungi kegiatan politiknya secara kronologi. Hal ini bermakna, karya penulisan mereka agak ringan dan tidak bercorak ilmiah.

Dalam meniti perjuangan Natsir sebagai ahli politik dan pejuang Islam, banyak kisah kehidupannya yang menjadi tumpuan para sarjanawan untuk menulis tentang beliau berdasarkan beberapa tema dan bukan berbentuk kronologi. Antara tema-tema yang sering dikemukakan ialah kegiatannya dalam politik, hubungannya dengan Presiden Sukarno, pemikiran politik-Islamnya serta beliau sebagai seorang negarawan Indonesia. Segelintir antara mereka itu ialah, Anwar Haryono yang membincangkan tajuk, *M. Natsir, Sumbangan dan Pemikirannya untuk Indonesia*[38] dan, *Pemikiran dan Perjuangan Mohammad Natsir*[39], seterusnya Ridwan Saidi melalui penulisannya, *Pemimpin Pulang: Rakaman Peristiwa Wafatnya M. Natsir*[40], Nurcholis Madjid, *M. Natsir Itu Tulus Kepada Pancasila*[41], Mestika Zed, pula yang bertajuk *Mohammad Natsir, Negarawan, Pemikiran Islam Dalam Pembentukan Indonesia Moderen*[42] serta Thohir Luth yang membicarakan tentang kegiatan dan pemikiran dakwah Natsir melalui tajuk, *M. Natsir: Dakwah dan Pemikirannya*[43]. Walau bagaimanapun, para penulis yang dinyatakan itu tidak menyentuh secara keseluruhan pemikiran dan perjuangan Natsir dalam semua bidang termasuk menulis tentang perbandingan pemikiran dan perjuangan Natsir dalam pelbagai isu ataupun perbandingan Natsir dengan para nasionalis, agamawan serta politikus lain di Indonesia ataupun serantau. Sebagai contoh, dalam tulisan Mestika mengutarakan pemikiran politik-agama yang dikendong oleh Natsir untuk diaplikasikan dalam pentadbiran Indonesia di bawah pentadbiran Presiden Sukarno. Idea-idea beliau itu adalah bagaimana sebuah negara yang baharu merdeka daripada Belanda untuk menyesuaikan sebuah pemerintahan Islam yang moden dalam sistem pentadbiran sebuah negara yang luas seperti Indonesia itu.

Ada beberapa buah buku yang menulis himpunan artikel yang memaparkan kisah suka duka perjuangan Natsir dalam kegiatannya sebagai ahli politik-agama di Indonesia sejak zaman kolonial Belanda sehingga Masyumi diharamkan oleh Presiden Sukarno. Tujuan buku-buku tersebut diterbitkan adalah untuk mengangkat Natsir sebagai pejuang Indonesia yang selama ini dipandang sepi oleh kerajaan yang memerintah terutama dari zaman pemerintahan Presiden Suharto sehingga anak perempuan Sukarno, Megawati Setiawati Sukarnoputri. Buku yang disusun oleh Yusuf Abdullah Puar yang bertajuk, *Muhammad Natsir 70 Tahun Kenang-kenangan Kehidupan dan Perjuangan*, bersama-sama himpunan pelbagai tajuk, *Pak Natsir 80 Tahun: Pandangan dan Penilaian Generasi Muda*[44], serta, *100 Tahun*

---

[33] Rujuk, Sultan Rais Alamsjah (1952), *Sepuluh Orang Indonesia Terbesar Sekarang*, Padang: Mutiara.
[34] Rujuk, Tamar Djaja (1951), *Mohammad Natsir dalam Revolusi*, Djakarta: Djaja Murni.
[35] Rujuk, Moch Lukman Fatahullah Rais et al. (ed.) (1989), *Mohammad Natsir Pemandu Umat*, Jakarta: Bulan Bintang.
[36] Lihat, Ajip Rosidi (1990), *M.Natsir Sebuah Biografi 1*, Jakarta: PT Girimukti Pasaka.
[37] Lihat, Ajip Rosidi (1992), *Mohammad Natsir Sebuah Biografi*, Jakarta: Girimukti.
[38] Rujuk, Anwar Harjono, dkk (1995), *M. Natsir, Sumbangan dan Pemikirannya untuk Indonesia*, Jakarta: Media Dakwah.
[39] Anwar Harjono (1996), *Pemikiran dan Perjuangan Mohammad Natsir*, Jakarta: Pustaka Firdaus.
[40] Rujuk, Ridwan Saidi (1993), *Pemimpin Pulang: Rakaman Peristiwa Wafatnya M. Natsir*, Jakarta: Yayasan Piranti Ilmu.
[41] Rujuk, Nurcholis Madjid (1993), "M. Natsir Itu Tulus Kepada Pancasila," *Harmonis*, No. 431, Maret.
[42] Mestika Zed (2008), "Mohammad Natsir, Negarawan, Pemikiran Islam Dalam Pembentukan Indonesia Moderen," dalam *100 Tahun Mohammad Natsir Berdamai Dengan Sejarah*, h. 87-104.
[43] Thohir Luth (1999), *M. Natsir Dakwah Dan Pemikirannya*, Gema Insani, Jakarta: Gema Insani.
[44] Rujuk, Teliti tulisan, Yusuf Abdullah Puar (1978), *Muhammad Natsir 70 Tahun Kenang-kenangan Kehidupan dan Perjuangan*, Jakarta: Pustaka Antara; dan, *Pak Natsir 80 Tahun: Pandangan dan Penilaian Generasi Muda* (1988), Jakarta Pusat: Media Da'wah.

Mohammad Natsir: Berdamai Dengan Sejarah[45] adalah kompilasi artikel-artikel berkenaan Natsir yang membincangkan pelbagai isu dan tema tokoh tersebut tanpa menemukan tajuk yang dilakukan secara ilmiah kerana tulisan tersebut sekadar untuk gaya santai sahaja. Begitu juga rata-rata penulisan yang ditemui tidak menulis secara kaedah historis tetapi tulisan menampakkan gaya bidang politik yang menepikan sumber-sumber pertama. Misalnya tulisan yang dimaksudkan itu dihasilkan oleh Mestika Zed dan Bustanuddin Agus[46] melalui buku, *100 Tahun Mohammad Natsir: Berdamai Dengan Sejarah*, walhal buku tersebut bertema sejarah kehidupan Natsir semata-mata sebagai aktivis politik dan seorang agamawan.

Penulisan yang dilakukan oleh seorang tokoh agama dari Indonesia, Deliar Noer, melalui bukunya, *Partai Islam di Pentas Nasional 1945-1965*[47], tidak memaparkan keseluruhan penglibatan Natsir melalui percaturan politik-agama. Namun begitu, penulisan Deliar ini turut membincang sedikit tentang Natsir walaupun beliau lebih menumpukan kegiatan dan penglibatan parti berteraskan Islam serta pemimpin politik agama di Indonesia sejak pada awal kemerdekaan dan pada zaman pemerintahan Presiden Sukarno. Sebagai seorang pemimpin yang menjadi ketua sebuah parti Islam yang terbesar di Indonesia dan dalam dunia Islam umumnya, penglibatan Natsir tidak dapat dinafikan melalui Masyumi. Parti ini cukup berpengaruh dalam kalangan umat Islam Indonesia serta mendapat kepercayaan di dalam dewan perwakilan Indonesia, KNIP sehingga Natsir pernah diangkat menjawat jawatan Menteri Penerangan dan seterusnya diberi kepercayaan memegang jawatan Perdana Menteri. Semuanya ini adalah bermula penglibatan beliau dalam parti Islam itu dalam sekitar tahun 1945-1965 dan tidak dapat disangkalkan adalah pengaruh daripada pendidikan beliau dan kesedaran nasionalisme melawan penjajah. Semasa beliau memegang jawatan itu, Natsir mencadangkan kepada Presiden Sukarno untuk menubuhkan sebuah kementerian khusus bagi hal ehwal agama Islam iaitu Kementrian Ugama.

Pandangan Sarjanawan Malaysia

Selain sarjanawan dari Indonesia yang membedah pemikiran, perjuangan dan personaliti Natsir melalui penulisan seperti yang telah diterangkan, beberapa orang sarjanawan dari Malaysia turut membuat kajian dan menghasilkan penulisan berkenaan beliau daripada aspek politik dan berbentuk sejarah. Hal ini terjadi kerana pengaruh pemikiran dan perjuangan politik-agama yang dibawa oleh agamawan Indonesia itu berpengaruh dalam Dunia Islam termasuk di Malaysia. Penemuan karya tentang beliau yang dihasilkan oleh penulis daripada Malaysia yang mengagumi perjuangan Natsir sebagai pendakwah politik yang berpengaruh dari segi pemikirannya yang merentasi masa dan sempadan. Para penulis Malaysia lebih berminat memberi hujahan dan membincangkan tema yang bersangkutan dengan pendidikan, dakwah dan agama. Penulis-penulis yang berasal dari Malaysia yang menulis tentang perihal Natsir ialah Fadhlullah Jamil, Muhammad ‘Uthman El-Muhammady, Ariffin S. M. Omar, Sidek Baba, Siddiq Fadhil, Mohamad Muzammil Mohamad Noor[48], Anwar Ibrahim dan Mohamad Kamal Hassan turut membicarakan faktor-faktor yang mempengaruhi pemikiran politik-agama, pendidikan dan penulisan Natsir, perkembangan pemikiran serta pengaruh pemikirannya terhadap situasi politik Malaysia dan dunia Islam keseluruhannya.

Misalnya, karya yang dihasilkan oleh Muhammad ‘Uthman El-Muhammady tentang pengaruh pemikiran politik Natsir terhadap dunia serantau dan lebih berfokus kepada bentuk kerjasama sesama umat Islam dalam hal pemikiran dan politik Islam. Muhammad ‘Uthman menegaskan pendekatan idea yang dikemukakan oleh Natsir melalui Islam dan politik amat berguna bukan sahaja kepada bangsanya sendiri tetapi kepada seluruh umat Islam di dunia termasuk di Malaysia.[49] Beliau mengagumi ketegasan idea Natsir dalam pencatuman politik dan Islam melalui pentadbiran berlandaskan model pemerintahan Islam di kota Madinah semasa zaman kegemilangan pentadbiran Rasullulah SAW. Walaupun kebanyakan sarjanawan dari Indonesia lebih berminat menulis tentang pemikiran politik-Islam Natsir, namun begitu, sarjanawan Malaysia agak berlainan menulis tentang perihal Natsir. Segelintir

[45] Rujuk, *100 Tahun Mohammad Natsir: Berdamai Dengan Sejarah* (2008), Jakarta: Republika.
[46] Bustanuddin Agus (2008), “Mohammad Natsir Demokrat Tulen?” dalam*100 Tahun Mohammad Natsir: Berdamai Dengan Sejarah*, Jakarta: Republika, h. 53-65.
[47] Rujuk, Deliar Noer (1987), *Partai Islam di Pentas Nasional 1945-1965*, Jakarta: Grafiti.
[48] Mohamad Muzammil Mohamad Noor (2009), “Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Bapak Mohammad Natsir: Pemikiran Reformisme Islam dan Fahaman Kaum Muda,” Persidangan Hubungan Malaysia-Indonesia 2009, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 6-8 Ogos.
[49] Muhammad ‘Uthman El-Muhammady (2009), “Pemikiran Mohammad Natsir Dalam Konteks Pemupukan Kerjasama Serantau,” *Mohammad Natsir: Berdakwah Di Jalur Politik, Berpolitik Di Jalur Dakwah*, Bandar Baru Bangi, Selangor: Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) & Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), h. 57-72.

sarjanawan dari negara ini mengkaryakan pemikiran Natsir melalui idea pendidikannya seperti Fadhlullah Jamil dan Mohamad Muzammil.

Menerusi tulisan yang bertajuk, *Muhammad Natsir: Sumbangannya Terhadap Bidang Pendidikan*[50], Fadhlullah Jamil lebih menyorotkan penelitian dan tulisan dalam bidang pendidikan dan pemikiran yang diperjuangkan oleh negarawan dari Indonesia itu. Fadhullah menganggap gagasan melalui konsep dakwah Islam yang dibawa oleh Natsir bukan sekadar menyampaikan ajaran Islam, tetapi *amar makruf nahi munkar* yang di dalamnya mengandung tiga unsur utama iaitu amal perbuatan lisan, keperluan naluri pada manusia untuk melakukan yang terbaik mengikut ajaran Islam dan keperibadian yang terpuji harus ada dalam diri seseorang umat Islam yang bergelar pendidik untuk menyebarkan ilmunya. Berlainan pula yang dihidangkan oleh Siddiq Fadhil melalui tulisannya, *Mohammad Natsir: Ahli Politik dan Negarawan*[51] yang cuba mengecilkan skop berfokus kepada Natsir sebagai pemimpin politik yang tidak harus dilupakan dalam sejarah Indonesia moden. Pada pandangan beliau, Natsir seorang idealis Islam yang prolifik dalam memimpin umat Islam Indonesia ke arah kemajuan bangsanya. Seorang pengkaji politik dan sejarah, Sidek Baba pula lebih menumpukan kepada kegiatan dan perjuangan Natsir melalui idea dakwah dan Islam melalui tajuk makalahnya, *Muhammad Natsir Sebagai Tokoh Da'wah dan Islah*[52].

Seorang sahabat rapat Natsir iaitu Anwar Ibrahim, turut menulis makalah yang bertajuk, *Natsir, Politikus Intelektual*.[53] Keakraban antara dua sahabat politik tersebut jelas terpancar apabila Anwar menziarahi Natsir pada tahun 1992 ketika menerima rawatan di Rumah Sakit Dr. Cipto Mangunkusomo sebelum beberapa bulan beliau meninggal dunia. Bagi mengabadikan keeratan mereka berdua, Anwar menulis sebuah makalah tentang Natsir. Namun begitu, penulisan Anwar ini agak ringkas dan lebih mengisahkan hubungan rapat beliau dengan Natsir tanpa mengemukakan sumber-sumber pertama seperti yang biasa dilihat dalam penulisan sejarah. Dalam penulisannya itu, Anwar menjelaskan beliau menyanjungi Natsir sebagai tokoh penting kepada Masyumi yang telah melakarkan fahaman kebangsaan Islam yang utuh di Indonesia. Bagi beliau, Natsir adalah seorang tokoh politik yang intelektual serta pemimpin berideologi politik-Islam yang demokratis dan berjaya memimpin sebuah parti Islam yang besar itu serta sedikit sebanyak menggugat kepimpinan dalam kerajaan Presiden Sukarno.[54] Menurut Anwar lagi, idea politik Natsir mengenai Islam dan modernisasi telah memberi impak yang mendalam kepada penyebaran syiar-syiar Islam di Indonesia, Malaysia dan Brunei Darussalam. Malah beliau mengagumi sumbangan Natsir dalam bidang penulisan sehingga berjaya menghasilkan beberapa karya agung, termasuk *Capita Selekta* dan *Pembela Islam* sejak berusia 30-an lagi. Walau bagaimanapun, seorang sejarawan, Ariffin S.M. Omar mengkaji dan menulis sebuah disertasi yang mengkaji Masyumi seperti yang dilakukan oleh Yusril.

Selain tulisan yang dihasilkan oleh Anwar berkenaan Natsir, seorang sejarawan yang mengkaji perkembangan Masyumi di peringkat sarjananya, Ariffin yang bertajuk, *The Masyumi And Its Struggle For The Islamic State, 1950-1960*[55] hanya menulis tentang kegiatan dan perjuangan Masyumi serta tokoh-tokoh politik Islam selain seperti Hamka dan Natsir dalam menegakkan sebuah negara Islam di Indonesia. Tulisan disertasinya itu juga menyentuh sedikit dan sepintas lalu pemikiran Natsir tentang Islam serta idea dan konsep negara Islam tanpa menghurai secara dalam. Dalam penulisannya itu beliau hanya menganggap Natsir telah bekerjasama dengan kerajaan sekular pimpinan Presiden Sukarno apabila dipilih sebagai Perdana Menteri Indonesia walaupun dua pemimpin negara itu bertelagah dalam idea perjuangan politik mereka. Meneliti penulisannya itu, juga tidak menunjukkan perbandingan pemikiran Natsir dengan tokoh-tokoh lain terutama Hamka ataupun pemimpin kanan Masyumi yang lain.

---

[50] Rujuk, Fadhlullah Jamil (1993), *Muhammad Natsir: Sumbangannya Terhadap Bidang Pendidikan*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia & ABIM Pulau Pinang; dan, Fadhlullah Jamil (2009), "Mohammad Natsir: Pemikiran dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan serta Penulisan," *Mohammad Natsir: Berdakwah Di Jalur Politik, Berpolitik Di Jalur Dakwah*, Bandar Baru Bangi, Selangor: Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) & Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), h. 73-87.

[51] Siddiq Fadhil (t.t.), *Mohammad Natsir: Ahli Politik dan Negarawan*, KL: ABIM & IKD.

[52] Sidek Baba (1993), *Muhammad Natsir Sebagai Tokoh Da'wah dan Islah*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia & ABIM Pulau Pinang.

[53] *Tempo (*2008), Edisi 4, 20 Julai, serta, Anwar Ibrahim (2009), "Natsir, Politikus Intelektual," *Mohammad Natsir: Berdakwah Di Jalur Politik, Berpolitik Di Jalur Dakwah*, Bandar Baru Bangi, Selangor: Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) & Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), h. 27-29.

[54] Mohamad Muzammil Mohamad Noor (2015), *Pemikiran Politik Islam: Perbandingan Antara Pemikiran Dr. Burhanuddin dan Muhammad Natsir*, h. 2-5, 41, 47, 71 dan 131.

[55] Ariffin bin S.M. Omar (1978), "The Masyumi and Its Struggle for the Islamic State, 1950-1960," Disertasi Sarjana, University of Singapore.

Berbanding dengan paparan tulisan daripada Ariffin S.M. Omar, sebuah tulisan daripada sarjanawan tersohor, Mohamad Kamal Hassan yang mengulas peranan Natsir sebagai cendikiawan Islam yang harus dicontohi oleh para pemimpin Islam serta politikus Islam bertajuk *Mohammad Natsir (1908-1993): Satu Model Kecendikiawanan*[56] serta *Mohammed Natsir Sebagai Mujahid Da'wah dan Pendidik Bangsa*[57], sebuah tulisan yang lengkap bagi memaparkan Natsir sebagai cendikiawan yang harus disanjungi dalam dunia Islam. Mohamad Kamal menyifatkan bahawa Natsir mempunyai pengaruh besar ke atas pemikiran Islam dan politik di dalam Indonesia selepas penjajahan tentera Jepun kerana keterlibatan Natsir lebih menonjol dalam penglibatan politik selepas era tersebut. Penulis ini mengagumi sifat kesederhanaan Natsir dalam kehidupan, keilmuan dan kegiatannya dalam kemasyarakatan dan kepimpinannya dalam parti politik Islam. Jelas Mohamad Kamal lagi: "Dengan sifat sederhana dan ketidak-pura-puraannya, beliau diberikan reputasi yang sepatutnya di atas integriti tersendiri dan kejujuran yang amat tinggi di dalam berpolitik." (Mohamad Kamal Hassan, 2011: 57)

Berbeza dengan hasil karya Mohamad Kamal yang lebih berfokus kepada penulisan keperibadian Natsir semata-mata, tulisan Mohamad Muzammil membawa perspektif terkini tentang tokoh dari Indonesia itu. Penulisan terbaharu dalam penyelidikan dan penulisan berkenaan Natsir telah dilakukan oleh Mohamad Muzammil melalui penulisan akademiknya bertajuk, *Burhanuddin al-Helmi dan Muhammad Natsir: Perbandingan Pemikiran dan Perjuangan*[58] dan sebuah buku yang diterbitkan, *Pemikiran Politik Islam: Perbandingan Antara Pemikiran Dr. Burhanuddin dan Muhammad Natsir*[59]. Karya beliau dalam *Burhanuddin al-Helmi dan Muhammad Natsir: Perbandingan Pemikiran dan Perjuangan* itu membandingkan perjuangan dua orang tokoh nasionalisme dan politik-agama daripada dua negara serumpun iaitu Tanah Melayu (Malaysia) dan Indonesia dalam pemikiran politik-agama, pemikiran pendidikan Islam, perjuangan melawan penjajah serta layanan pihak pemerintah terhadap mereka iaitu semasa zaman pentadbiran Ketua Menteri/Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman dan Sukarno, iaitu Presiden Pertama Indonesia. Dalam tulisan yang dihasilkan oleh Mohamad Muzammil itu, antara isu yang beliau tonjolkan berkenaan Natsir sahaja ialah menganalisis ideologi dan pemikiran, penglibatan dalam politik, agama serta isu-isu Islam dalam pendidikan. Perbincangan meliputi pemikiran Natsir ini yang dipengaruhi pengalaman sejak kecil hinggalah dewasa dan faktor asas didikan agama yang diterimanya semasa zaman awal remaja serta pengukuhan nilai sistem kekeluargaan Islam telah memberi kesan besar kepada Natsir melibatkan diri dalam gerakan nasionalisme dan politik. Malah penulis ini mengenal pasti sejauh mana perubahan nilai masyarakat dan latar belakang kehidupan mempengaruhi pemikiran dan perjuangan Natsir dalam gerakan nasionalisme dan politik-agama. Misalnya, teladan baik yang ditunjukkan oleh Natsir tersebut dalam perjuangan nasionalisme politik Islam telah memberi kesan mendalam kepada pertubuhan politik dan masyarakat keseluruhannya. Menurut Mohamad Muzammil lagi, sebagai seorang yang berpendidikan dan menguasai ilmu falsafah, sastera, sejarah dan politik, tujuan utama Natsir berjuang adalah ke arah mengangkat martabat dan tamadun serta keilmuan Islam. Adalah tidak keterlaluan dikatakan yang sumbangan Natsir memberi rangsangan terhadap kebangkitan dan kemajuan Islam pada zaman moden di rantau Melayu. Karya intelek Natsir seperti *The Dangers of Secularims*, *Dakwah dan Tujuan* dan *Capita Selekta* menjadi penjana minda, pembina gagasan dan penyuluh kepada keimanan. Minat Natsir dalam penulisan dan seterusnya menjadi wartawan, editor dan penerbit telah menjadikan beliau sebagai seorang pemikir Islam yang prolifik di zaman silam dan dikenang hingga kini. Oleh itu, secara tidak langsung Natsir melakukan transformasi sosiopolitik melalui pemikiran agama dan politik sebagai asas *tajdid* dan *islah*.[60]

Oleh hal demikian, peninggalan idea-idea pemikiran dan perjuangan politik Natsir melalui pertubuhan-pertubuhan politik-agama dan sosial seperti Dewan Da'wah Islamiyah Indonesia (DDII) dan Masyumi memberi impak hingga ke hari ini di Indonesia. Tulisan Mohamad Muzammil ini juga menemui sumber-sumber baharu dan dokumen persendirian daripada ahli keluarga dan sahabat handai tokoh tersebut yang memang tidak diletakkan dalam arkib di Indonesia; seperti semasa beliau dipenjarakan

[56] Mohamad Kamal Hassan (2011). "Mohammad Natsir (1908-1993): Satu Model Kecendikiawanan," *Global Journal al-Thaqafah*, Jil. 1, Bil. 1, h. 57-70.
[57] Mohd. Kamal Hassan (1993), "Mohammed Natsir Sebagai Mujahid Da'wah dan Pendidik Bangsa," Seminar Pemikiran Muhammad Natsir, Petaling Jaya, Selangor, 18 April.
[58] Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor (2011), Burhanuddin al-Helmi dan Muhammad Natsir: Perbandingan Pemikiran dan Perjuangan.
[59] Mohamad Muzammil Mohamad Noor (2015), *Pemikiran Politik Islam: Perbandingan Antara Pemikiran Dr. Burhanuddin dan Muhammad Natsir*.
[60] Mohamad Muzammil Mohamad Noor (2011), Burhanuddin al-Helmi dan Muhammad Natsir: Perbandingan Pemikiran dan Perjuangan, h. 417.

atau menerima bentuk hukuman lain semasa perjuangan Natsir dalam zaman kolonial Belanda, pendudukan Jepun dan pemerintahan Presiden Sukarno. Selain dua buah tulisan di atas, tulisan-tulisan Mohamad Muzammil berkaitan pemikiran dan perjuangan politik Natsir berbentuk makalah dan kertas kerja persidangan akademik ialah "Dua Bangsa Serumpun: Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Mohammad Natsir - Perbandingan Pendidikan Yang Mencetus Perjuangan Dan Pemikiran," "Pengaruh Pendidikan Islam Terhadap Perjuangan Muhammad Natsir" dan, "Pandangan Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Bapak Mohammad Natsir Tentang Fahaman dan Kegiatan Komunis." Ketiga-tiga karya ini adalah berkaitan perbandingan pemikiran Dr. Burhanuddin dan Natsir dalam pendidikan mereka sehingga membangkitkan semangat perjuangan dan analisis pemikiran dua tokoh tersebut dalam agama dan politik.[61] Penulisan lain bertajuk, "Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Bapak Mohammad Natsir: Pemikiran Reformisme Islam Dan Fahaman Kaum Muda," pula membincangkan pengaruh gerakan Kaum Muda di Malaysia dan Indonesia kesan daripada gerakan reformis Islam di Timur Tengah yang kaitan dengan isu-isu anti penjajahan serta kebangkitan umat Islam dalam arus pemodenan.[62] Menerusi makalah beliau dalam bahasa Inggeris pula, beliau menghasilkan perbincangan berkaitan kesengsaraan Natsir semasa dalam tahanan politik semasa zaman kolonial Belanda dan Presiden Sukarno di Yogyakarta yang ketika itu Natsir merupakan ahli kabinet kerajaan pada tahun 1950 melalui karya, "Natsir as a Political Prisoner During the Colonial Era and Sukarno Regime," dan "Islamic Political Thought Of Pak Natsir 'vs' Secular Political Thought Of Sukarno During The Reign Of Bung Karno."[63] Natsir sebagai ahli pemikir politik Islam yang agak tersohor dalam Dunia Islam turut mendapat perhatian daripada penulis itu yang menghasilkan kertas kerja bertajuk "Natsir's Involvement in the Islamic World and the Views of the International Scholars on Him." Antara intipati yang terdapat dalam artikel ini ialah pandangan para sarjanawan luar daripada Indonesia terhadap perjuangan politik, pemikiran Islam dan Natsir sebagai nasionalis tanah airnya oleh sarjanawan-sarjanawan antarabangsa dan serantau seperti George McTurnan Kahin, 'Uthman El-Muhammady dan Mohamad Kamal Hassan.[64]

Kesimpulan

Penulisan yang dihasilkan oleh para sarjanawan dari Indonesia dan Malaysia tentang Natsir kebanyakannya adalah berkaitan pemikiran politik-agama dan pertelingkahan pendapat berkenaan sistem pemerintahan dan idea politik beliau dengan Presiden Sukarno iaitu presiden pertama Indonesia. Hasil pemerhatian berkenaan tulisan mereka agak jarang memberi pandangan tentang keberkesanan pemikiran Islam dan politik serta pentadbiran beliau semasa memegang jawatan Perdana Menteri Indonesia pada zaman pemerintahan Presiden Sukarno iaitu 7 September 1950 kecuali tulisan yang dilakukan oleh Mohamad Muzammil. Hasil karya yang dikarangi beliau mencatatkan cita-cita Natsir untuk menegakkan sebuah negara Islam dengan memartabatkan Undang-undang Islam serta corak pentadbiran keislaman di Indonesia selepas bebas merdeka daripada kuasa kolonial Belanda, namun gagal dicapai. Walaupun Natsir menggunakan medium parti politik-agama iaitu Masyumi sebagai satu cara untuk mencapai matlamatnya itu. Parti politik Islam itu sebagai medium bagi menggalas perjuangan Natsir dalam menegakkan sebuah negara Islam di Indonesia. Pertentangan pendapat dan idea politik Islamnya dengan Presiden Sukarno berlaku adalah disebabkan presiden tersebut adalah nasionalis yang dibentuk daripada pemikiran 'berkiblatkan' penjajah walaupun beliau sendiri seorang anti Belanda. Dalam tulisan yang dihasilkan oleh Sati Alimin, Ahmad Suhelmi dan Ahmad Syafi'i menjelaskan Natsir menghadapi cabaran yang besar daripada pemimpin tertinggi pemerintahan Indonesia ketika itu, Presiden Sukarno. Natsir menerima tindakan politik semasa zaman regim Presiden Sukarno dengan memenjarakannya untuk 'membunuh kerjaya politiknya' serta mengharamkan satu-

[61] Rujuk, Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor (2008), "Dua Bangsa Serumpun: Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Mohammad Natsir - Perbandingan Pendidikan Yang Mencetus Perjuangan Dan Pemikiran," Seminar Internasional Malaysia-Indonesia Update 2008, Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta, Indonesia, Mei 2008; Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor (2017), "Pengaruh Pendidikan Islam Terhadap Perjuangan Muhammad Natsir," International Conference on Muslim Society and Thought "Muslim Society and Globalization, Surabaya Indonesia, 3 - 4 Oktober; Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor (2009), "Pandangan Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Bapak Mohammad Natsir Tentang Fahaman dan Kegiatan Komunis," Bengkel Pascasiswazah 2009 50 Tahun Membina Kesarjanaan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

[62] Rujuk, Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor (2009), "Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Bapak Mohammad Natsir: Pemikiran Reformisme Islam Dan Fahaman Kaum Muda," Simposium Kebudayaan Indonesia Malaysia ke-IX, Bandung, 10-12 November.

[63] Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor (2014), "Natsir as a Political Prisoner During the Colonial Era and Sukarno Regime," 8th International Conference on Malaysia-Indonesia Relations," Pekanbaru, Riau, Indonesia, 23 – 25 September; dan, Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor (2015), "Islamic Political Thought Of Pak Natsir 'vs' Secular Political Thought Of Sukarno During The Reign Of Bung Karno," The International Conference on Islam, Economic , Banking, Social Science, Communication and Education 2015, Jakarta, Indonesia, 29-30 Mei.

[64] Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor (2014), "Natsir's Involvement in the Islamic World and the Views of the International Scholars on Him," dalam Seminar "Indonesia's International Image in the Post-Suharto Era," Wolfgang Goethe-Universität Frankfurt am Main, Frankfurt/Main, Germany, 9 Oktober.

satunya parti Islam yang berpengaruh iaitu Masyumi pada tahun 1960 dengan alasan-alasan kepentingan politik, kebimbangan munculnya pengaruh Islam dan parti yang dipimpin Presiden Sukarno iaitu PNI akan 'hilang taring' dalam kekuasaan politik Indonesia. Malah sarjanawan orientalis, Kahin berpandangan bahawa Natsir seorang pemimpin politik anti sekularisme dan tidak akan bekerjasama dengan golongan pemimpin yang merujuk kepada Presiden Sukarno iaitu membawa idea-idea sekular dalam pentadbiran.[65]

Pandangan sarjanawan terhadap pemikiran politik-agama Natsir dalam tulisan mereka ialah idealisme yang dikendong oleh beliau agak berpengaruh lebih-lebih lagi melalui Masyumi yang dipimpin olehnya. Oleh itu, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa pemikiran dan perjuangan Natsir masih lagi relevan sehingga ke hari ini, di Indonesia mahupun Malaysia. Misalnya, Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) turut menerima pengaruh idealisme Islam Natsir. Idea-idea dan pemikiran beliau masih sesuai dipraktikkan oleh pemimpin dan bakal pemimpin muda dalam mentadbir sebuah organisasi politik mahupun sebagai pemimpin negara namun hingga kini sistem pentadbiran Indonesia masih berlangsung secara sekular dengan memisahkan politik dan agama Islam. Tulisan-tulisan tentang beliau telah dihasilkan hingga menimbulkan pelbagai pandangan dan pendapat yang berbeza antara para sarjanawan, namun tidak dapat dinafikan bahawa tokoh yang disegani ini adalah salah seorang pemikir Islam yang prolifik sejak daripada zaman penjajahan Belanda hinggalah Indonesia memperolehi kemerdekaan pada 17 Ogos 1945. Walau bagaimanapun, hasrat Natsir membentuk sebuah negara yang berpaksikan Undang-undang Islam dan mengikut lunas-lunas al-Quran tidak kesampaian disebabkan kekuasaan dalam pemerintahan kuku besi regim Presiden Sukarno. Melalui kisah perjuangan Natsir yang penuh ranjau duri demi perjuangan kepada bangsa, agama dan negara Indonesia, sesungguhnya beliau telah melakarkan sebuah kisah sejarah yang berimpak di negara itu.

Rujukan

Abdur Razzaq (2009), "Pengaruh Pemikiran Hasan al-Banna dan Mohammad Natsir Terhadap Politik Islam di Indonesia: Kajian Perbandingan," Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Abdur Razzaq Ali (2003), "Riwayat Hidup, Pemikiran dan Perjuangan Pak Natsir," Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan, Kuala Lumpur, Vol.2 Paper 11, 11 Januari.

Ahmad Suhelmi (1999), *Soekarno Versus Natsir: Kemenangan Barisan Megawati Reinkarnasi Nasionalis Sekuler*, Jakarta: Darul Falah.

Ahmad Syafi'i (1984), *Islam dan Masalah Kenegaraan*, Jakarta: LP3ES.

Ahmad Syafi'i (1982), "Islam as the Basic of State: Study of Islamic Political Ideas as Reflected in the Constituent Assembly Debates in Indonesia," Tesis Doktor Falsafah, University of Chicago.

Ajip Rosidi (1990), *M.Natsir Sebuah Biografi 1*, Jakarta: PT Girimukti Pasaka.

Ajip Rosidi (1992), *Mohammad Natsir Sebuah Biografi*, Jakarta: Girimukti.

Akhbar *Haluan* (2007), Harian Umum, 12 Agustus/28 Rajab 1428H.

Anwar Harjono, dkk (1995), *M. Natsir, Sumbangan dan Pemikirannya untuk Indonesia*, Jakarta: Media Dakwah, 1416H.

Anwar Harjono (1996), *Pemikiran dan Perjuangan Mohammad Natsir*, Jakarta: Pustaka Firdaus.

Anwar Ibrahim (2009), "Natsir, Politikus Intelektual," dalam *Mohammad Natsir: Berdakwah Di Jalur Politik, Berpolitik Di Jalur Dakwah*, Bandar Baru Bangi, Selangor: Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) & Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

[65] George Mc. T. Kahin (1995), "Mohammad Natsir (1908-1993) Sebuah Kenangan," *Media Dakwah*, Rajab 1415/Januari, Jakarta: Media Dakwah.

Arif Hizbullah Sualman (1995), Muhammad Natsir (1908-1993): His Role in the Development of Islamic Da'wah in Indonesia (Historical Study of an Indonesian Mujahid Da'wah), International Islamic University Malaysia.

Ariffin bin S.M. Omar (1978), "The Masyumi and Its Struggle for the Islamic State, 1950-1960," Disertasi Sarjana, University of Singapore.

Bustanuddin Agus (2008), "Mohammad Natsir Demokrat Tulen?" *100 Tahun Mohammad Natsir: Berdamai Dengan Sejarah*, Jakarta: Republika.

D. P. Sati Alimin (1968), *M. Natsir vs. Soekarno*, Padang: Yayasan Pendidikan Islam.

Deliar Noer (1987), *Partai Islam di Pentas Nasional 1945-1965*, Jakarta: Grafiti.

Deliar Noer dan Akhbarsyah (2005), *KNIP Komite Nasional Indonesia Pusat Parlemen Indonesia 1945-1950*, Jakarta: Yayasan Risalah.

Fadhlullah Jamil (2009), "Mohammad Natsir: Pemikiran dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan serta Penulisan," dalam *Mohammad Natsir: Berdakwah Di Jalur Politik, Berpolitik Di Jalur Dakwah*, Bandar Baru Bangi, Selangor: Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) & Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Fadhlullah Jamil (1993), *Muhammad Natsir: Sumbangannya Terhadap Bidang Pendidikan*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia & ABIM Pulau Pinang.

Fakhri (1998), "Pemikiran Muhammad Natsir Dan Tunku Abdul Rahman Tentang Dakwah Dan Aplikasinya (Suatu Kajian Analitik Komparatif)," Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Gamal Abdul Nasir Hj Zakaria (1999), "Mohamad Natsir: Pendidikan Ummah (Kajian Atas Fikiran-fikirannya Tentang Pendidikan Islam Di Indonesia)," Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Gamal Abdul Nasir Zakaria (2003), *Mohammad Natsir Pendidik Ummah*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

HM Nasruddin Anshoriy Ch. (2008), *'Bangsa Inlander' Potret Kolonialisme di Bumi Nusantara*, Yogyakarta: LKiS.

Kahin, George Mc. T. (1995), "Mohammad Natsir (1908-1993) Sebuah Kenangan," *Media Dakwah*, Rajab 1415/Januari, Jakarta: Media Dakwah.

Keputusan Presiden Republik Indonesia (2008), Gelar "Pahlawan Nasional Kepada Muhammad Natsir," Nomor 041/TK/Tahun 2008, bertarikh 6 November.

Mahmud Saleh, Drs. (1995), "Pemikiran Muhammad Natsir Dan Hasan al-Banna Tentang Negara (Suatu Studi Analitis Komparatif)," Program Pascasarjana, Institut Agama Islam Negeri Ar-Raniry Darussalam, Banda Aceh.

Mestika Zed (2008), "Mohammad Natsir, Negarawan, Pemikiran Islam Dalam Pembentukan Indonesia Moderen," *100 Tahun Mohammad Natsir: Berdamai Dengan Sejarah*, Jakarta: Republika.

Moch Lukman Fatahullah Rais, et al. (peny.) (1989), *Mohammad Natsir Pemandu Umat*, Jakarta: Bulan Bintang.

Mohd. Kamal Hassan (1993), "Mohammed Natsir Sebagai Mujahid Da'wah dan Pendidik Bangsa," Seminar Pemikiran Muhammad Natsir, Petaling Jaya, Selangor, 18 April.

Mohamad Kamal Hassan (2011), "Mohammad Natsir (1908-1993): Satu Model Kecendikiawanan," *Global Journal al-Thaqafah*, Jil. 1, Bil. 1.

Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor (2008), "Dua Bangsa Serumpun: Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Mohammad Natsir - Perbandingan Pendidikan Yang Mencetus Perjuangan Dan Pemikiran," Seminar Internasional Malaysia-Indonesia Update 2008, Yogyakarta, Indonesia, Mei 2008.

Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor (2009), "Pandangan Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Bapak Mohammad Natsir Tentang Fahaman dan Kegiatan Komunis," Bengkel Pascasiswazah 2009 50 Tahun Membina Kesarjanaan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mohamad Muzammil Mohamad Noor (2009), "Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Bapak Mohammad Natsir: Pemikiran Reformisme Islam dan Fahaman Kaum Muda," Persidangan Hubungan Malaysia-Indonesia 2009, Universiti Malaya, Kuala Lumpur 6-8 Ogos.

Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor (2009), "Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Bapak Mohammad Natsir: Pemikiran Reformisme Islam Dan Fahaman Kaum Muda," Simposium Kebudayaan Indonesia Malaysia ke-IX, Universitas Padjadjaran, Bandung, 10-12 November.

Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor (2011), "Burhanuddin al-Helmi dan Muhammad Natsir: Perbandingan Pemikiran dan Perjuangan," Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya.

Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor (2014), "Natsir as a Political Prisoner During the Colonial Era and Sukarno Regime," 8th International Conference on Malaysia-Indonesia Relations, Pekanbaru, Riau, Indonesia, 23 – 25 September.

Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor (2014), "Natsir's Involvement in the Islamic World and the Views of the International Scholars on Him," Seminar Indonesia's International Image in the Post-Suharto Era, Wolfgang Goethe-Universität Frankfurt am Main, Frankfurt/Main, Germany, 9 Oktober.

Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor (2015), "Islamic Political Thought of Pak Natsir 'vs' Secular Political Thought of Sukarno during the Reign of Bung Karno," The International Conference on Islam, Economic, Banking, Social Science, Communication and Education 2015, Jakarta, Indonesia, 29-30 Mei.

Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor (2017), "Pengaruh Pendidikan Islam Terhadap Perjuangan Muhammad Natsir," International Conference on Muslim Society and Thought, Muslim Society and Globalization, Surabaya Indonesia, 3 - 4 Oktober.

Mohamad Muzammil Mohamad Noor (2015), *Pemikiran Politik Islam: Perbandingan Antara Pemikiran Dr. Burhanuddin dan Muhammad Natsir*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamad Muzammil Mohamad Noor (2021), "Noer Nahar Marzuki: Wirawati Tidak Didendangkan dalam Pendidikan Zaman Kolonial Belanda di Jawa, 1932-1942," *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Jil. 49, Bil. 2.

Mohammad Natsir (1954), *Capita Selekta*, Jakarta: Bulan Bintang.

Mohammad Noer (1993), *Sumbangan dan Kepimpinan Mohammad Natsir*, Kuala Lumpur: ABIM.

Mohammad Noer (1999), "Mohammad Natsir: Pemikiran dan Perjuangannya Tentang Islam, Politik dan Negara, 1940-1960," Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.

Mohammad Noer (2009), "Sumbangan Pemikiran dan Kepimpinan Mohammad Natsir," dalam *Mohammad Natsir: Berdakwah Di Jalur Politik, Berpolitik Di Jalur Dakwah*, Bandar Baru Bangi, Selangor: Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) & Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Muhammad ‘Uthman El-Muhammady (2009), “Pemikiran Mohammad Natsir Dalam Konteks Pemupukan Kerjasama Serantau,” dalam *Mohammad Natsir: Berdakwah Di Jalur Politik, Berpolitik Di Jalur Dakwah*, Bandar Baru Bangi, Selangor: Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) & Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Nurcholis Madjid (1993), “M. Natsir Itu Tulus Kepada Pancasila,” dalam *Harmonis*, No. 431, Maret.

Pak Natsir 80 Tahun: Pandangan dan Penilaian Generasi Muda (1988), Jakarta Pusat: Media Da’wah.

Ridwan Saidi (1993), *Pemimpin Pulang: Rakaman Peristiwa Wafatnya M. Natsir*, Jakarta: Yayasan Piranti Ilmu.

Siddiq Fadhil (t.t.), *Mohammad Natsir: Ahli Politik dan Negarawan*, KL: ABIM & IKD.

Sidek Baba (1993), *Muhammad Natsir Sebagai Tokoh Da’wah dan Islah*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia & ABIM Pulau Pinang.

Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, (1958, 17 Juli).

Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, (1958, 18 Juli).

Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, (1958, 9 Agustus).

Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, (1958, 15 September).

Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga, (1958, 18 Julai-9 Ogos).

Sutan Rais Alamsjah (1952), *Sepuluh Orang Indonesia Terbesar Sekarang*, Padang: Mutiara.

Tamar Djaja (1951), *Mohammad Natsir dalam Revolusi*, Djakarta: Djaja Murni.

Tempo, Edisi 4, 20 Julai 2008.

Thohir Luth (1999), *M. Natsir Dakwah Dan Pemikirannya*, Gema Insani, Jakarta: Gema Insani.

Yusril Ihza (1993), “Modernisme dan Fundamentalisme dalam Politik Islam: Satu kajian perbandingan kes Parti Masyumi di Indonesia dan Jama’at-i-Islami di Pakistan (1940-1960),” Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.

Yusril Ihza Mahendra (1996), *Pemikiran Dan Perjuangan Mohammad Natsir*, Jakarta: Pustaka Firdaus.

Yusril Ihza Mahendra, (1995), “Asas Politik Natsir, Moral Landasannya,” *Panji Masyarakat*, No. 824, April.

Yusuf Abdullah Puar (1978), *Muhammad Natsir 70 Tahun Kenag-Kenangan Kehidupan dan Perjuangan*, Jakarta: Pustaka Antara.